



**SELASA, 13 FEBRUARI 2024
UNTUK SIARAN SEGERA**

**DUA MAYAT DITEMUI DI BANGKAI PESAWAT TERHEMPAS DEKAT
KAPAR, SELANGOR**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan dua mayat lelaki warga tempatan ditemui semasa operasi mencari dan menyelamatkan di bangkai pesawat BK 160 Gabriel yang terhempas dekat Kapar, Selangor, hari ini.

Mayat pertama dijumpai pada jam 4:50 petang manakala mayat kedua ditemui pada jam 7:16 petang oleh pasukan mencari dan menyelamatkan. Kedua-dua mayat dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor untuk proses bedah siasat dan pengecaman.

Pusat Koordinasi Mencari dan Menyelamat Aeronautika Kuala Lumpur (KLARCC) menamatkan operasi pada jam 7:25 petang.

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia